

## **BENGKEL PERISIAN OPENGL PROGRAM MCG 2015**

**Penulis: Arif Mandangan**

Pada 24-28 Ogos 2015, Program Matematik dengan Grafik Berkomputer mengadakan Bengkel Perisian OpenGL Program MCG 2015 bertempat di Makmal Komputer 1 Fakulti Sains dan Sumber Alam, UMS. Bengkel tersebut dikendalikan oleh pensyarah berpengalaman Program MCG iaitu Prof. Madya Dr. Abdullah Bade dan En. Rechard Lee. Bengkel tersebut telah dihadiri oleh para pelajar tahun 2 dan 3 Program MCG. Antara tujuan utama penganjuran bengkel tersebut adalah untuk memperkenalkan perisian OpenGL kepada para pelajar di samping meningkatkan kemahiran mereka dalam mengendalikan perisian berkenaan. Sijil penyertaan diberikan kepada pelajar-pelajar yang lulus ujian yang dijalankan pada hari terakhir bengkel tersebut. Ini merupakan salah satu nilai tambah terhadap kebolehpasaran pelajar-pelajar Program MCG setelah menamatkan pengajian kelak.

